

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Sukan
Sent: 09 Ogos 2016 14:29
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee
Subject: SUKUM 2016 : Pingat Perak Permulaan UUM



09 OGOS 2016 / 06 ZULKAEDAH 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

SUKUM 2016 : PINGAT PERAK PERMULAAN UUM



PSUKAN ONLINE : Nilai, 9 Ogos 2016, satu pingat perak telah menceriaikan kontinjen Universiti Utara Malaysia (UUM) pada hari ketiga di Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) Kali Ke-41, 2016 menerusi Iskandar Adon dalam acara tenpin boling individu lelaki dengan jatuhan pin 1238.

Pencapaian pingat ini telah menyuntik semangat kontinjen UUM untuk terus memburu pingat emas pada hari ini.

Sementara itu, pasukan bola jaring senior berjaya melayakkan diri ke separuh akhir yang akan dijadualkan pada hari esok setelah memperolehi johan dalam kumpulan A.

Perlawanan semalam telah menyaksikan pasukan bola jaring senior UUM menguasai keseluruhan perlawanan bertemu pasukan tuan rumah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan jaringan 40-3.

Rentak kemenangan UUM diteruskan dengan pasukan futsal lelaki setelah menewaskan pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 3-0.

Bagi bola jaring veteran pula, pasukan UUM mula bangkit setelah berjaya menewaskan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 18-12 pada perlawanan kedua.

Lain-lain perlawanan, bertempat di Kompleks Sukan Airport, Nilai, pasukan badminton tewas tipis ditangan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 3-4.

Turut hadir menyaksikan perlawanan di setiap venue bagi menyokong dan memberi semangat kepada atlit UUM, Yang Berusaha Prof. Dr. Abd Razak Yaakub merangkap Ketua Kontinjen UUM dan Pengarah Pusat Sukan, Prof. Dr. Mohd Sofian Omar Fauzee.

Disamping itu, semalam juga berlangsungnya Majlis Pembukaan Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) Kali Ke-41, 2016 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan dan turut hadir sama, Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Abdul Malek Haji Abdul Karim, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEP), UUM.

Habis.

=====
DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my